



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 15 OKTOBER 2018**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|-----|--|--------------------------------|
| 1. | PERAK KOMITED PERTAHAN KEMENANGAN DI MAHA 2018, SINAR HARIAN -ONLINE | FAMA |
| 2. | PENDAPATAN LUMAYAN, UTUSAN MALAYSIA -ONLINE | |
| 3. | PENTERNAK 'LEMBU SADO' TOLAK TAWARAN RM30,000, ASTRO AWANI - ONLINE | DVS |
| 4. | MASALAH PETANI, NELAYAN DI KELANTAN DIATASI, SINAR HARIAN - ONLINE | KADA |
| 5. | AGRICULTURE: ADDRESSING FOOD SECURITY IN MALAYSIA, THE EDGE MARKET -ONLINE | MOA |
| 6. | PUYU DARULNAIM TANDINGI PATIN PAHANG, UTUSAN MALAYSIA - ONLINE | DOF |
| 7. | 2 NELAYAN NEKAD TERJUN LAUT ELAK DITAHAN, BERITA HARIAN -ONLINE | |
| 8. | PENYU PD KURANG POPULAR, SETEMPAT, SINAR HARIAN -38 | |
| 9. | 3 KUMPULAN SASAR TUMPUAN KEMENTERIAN LAHIR USAHAWAN, BUSINESS, BERITA HARIAN -24 | LAIN-LAIN |
| 10. | KERAJAAN KELANTAN PASTIKAN RAKYAT CUKUP MAKANAN, SETEMPAT, SINAR HARIAN -35 | |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|--------------|---------|------------|
| 15/10/2018 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

Perak komited pertahan kemenangan di MAHA 2018



SITIAWAN - Kerajaan negeri komited untuk mengekalkan kemenangan pavilion negeri terbaik bagi kali keempat sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Antarabangsa (MAHA) 2018 November ini.

Exco Kerajaan Perak, Abdul Yunus Jamhari berkata, persiapan rapi sedang dilakukan bersama pelbagai agensi dan jabatan terlibat termasuklah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) dalam memeriahkan lagi pavilion negeri sempena pameran yang berlangsung selama 11 hari bermula 22 November depan.

"Sudah tentu di bawah pentadbiran kerajaan negeri baharu kita mahu kekalkan kemenangan tiga kali berturut-turut sebelum ini pada MAHA 2018 dan persiapan rapi sedang dijalankan.

"Walaupun Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dari Johor kita akan beri saingan untuk kekalkan kemenangan bagi kali ke empat berturut-turut," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan di Pasar Komuniti dan Karavan (Pakar) di Seri Manjung serta Pasar Tani Kekal (PTK) Lekir di sini, hari ini.

Menurut Abdul Yunus, pengunjung MAHA 2018 akan diberi kejutan besar apabila melawat Pavilion Perak yang bakal memberikan elemen baharu serta segar berbanding MAHA sebelum ini.

"Kita akan tonjolkan produk popular termasuk makanan popular, makanan warisan dan pelbagai lagi pada MAHA kali ini buat semua pengunjung," katanya.

MAHA 2018 bakal berlangsung bermula 22 November depan di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) dan menyasarkan lebih 3.5 juta pengunjung dari dalam dan luar negara.

Sementara itu, mengulas mengenai pembinaan PTK di Perak, Abdul Yunus berkata, pihaknya merancang untuk menambah jumlah pasar tersebut selepas melihat kejayaan PTK Lekir yang merupakan PTK pertama di negeri ini.

"Kita akan teruskan pembinaan PTK di Kampung Gajah dan seterusnya akan melihat kepada kemampuan kewangan kerajaan untuk membina PTK ketiga di Daerah Kerian," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-------------------|----------------------------|----------------|-------------------|
| 15/10/2018 | UTUSAN MALAYSIA | ONLINE | |

Pendapatan lumayan

JOHOR BAHRU 14 Okt. - Semua lapisan masyarakat, khususnya golongan muda digalakkan menceburi pertanian kerana bidang tersebut mampu memberikan hasil lumayan.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian negeri, Dr. Sahrudin Jamal berkata, tiga sektor teras dalam pertanian, iaitu perladangan, penternakan dan perikanan mempunyai skop yang luas untuk diteroka.

"Misalnya, ramai yang sudah berjaya menjadi usahawan tani termasuk pelakon terkenal Datuk Rosyam Noor yang mempunyai ladang untuk menanam nangka dan durian belanda.

"Bagi yang berminat menceburi bidang pertanian ini, berjumpalah dengan para pegawai di jabatan atau agensi yang berkaitan. Insya-Allah kerajaan akan memberikan pelbagai bantuan kepada mereka," katanya semasa semasa merasmikan Karnival Tani Dewan Undangan Negeri (DUN) Permas di Kompleks Pasar Tani Kekal Permas Jaya, di sini semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) negeri, Alwi Anang.

Ditanya dalam sidang akhbar selepas itu, Sahrudin berkata, setiap jabatan atau agensi yang berkaitan mempunyai program tersendiri dalam usaha melahirkan lebih ramai usahawan tani di negeri ini.

"Misalnya, FAMA menyasarkan dapat melahirkan kira-kira 2,000 usahawan agro dalam tempoh lima tahun akan datang. Pada masa ini, FAMA negeri ini mempunyai kira-kira 1,000 peserta," katanya.

Mengenai karnival tani selama tiga hari yang berakhir hari ini, beliau memberitahu, program tersebut bertujuan mempromosikan produk pertanian dan pada masa sama memberi peluang kepada masyarakat memperoleh barangan pada harga berpatutan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|-------------|---------|------------|
| 15/10/2018 | ASTRO AWANI | ONLINE | |

Penternak 'lembu sado' tolak tawaran RM30,000



KOTA BHARU: Seorang penternak 'lembu sado' atau lembu bersaiz gergasi dari baka import mendedahkan, belaian kasih sayang dan komunikasi akan menyebabkan haiwan berkenaan jinak dan membesar dalam saiz yang luar biasa.

Bukan sahaja tumpuan pemakanan dan kebersihan kandang, penjagaan rapi termasuk memandi dan mengurut badan lembu selain berkomunikasi dengan binatang tersebut menyebabkan lembu menjadi gembira sekaligus menyebabkan ia membesar dengan baik dan tahan penyakit.

Tips ini dikongsikan oleh Abdul Rahim Salleh, seorang pemilik lembu baka Limousin dari Tawang, Bachok yang mempunyai seekor lembu seberat 1.3 tan.

Lembunya bernama 'Merah' yang dipeliharanya sejak ia kecil, kini telah mencecah usia lebih tiga tahun.

Menurut Abdul Rahim, cara dia menjaga Merah melebihi penjagaan terhadap dirinya sendiri sehingga lembu itu jinak dan memahami bahasa yang dia tuturkan.

"Saya tidak mahu korbankan dia, hendak pelihara saja. Ada orang tawar hendak beli dengan harga RM30,000 tetapi saya tidak mahu jual. Merah jinak dan manja dengan saya, saya urut dan belai dia setiap hari... sebab itu daging badan dia lembut. "Saya mandikannya empat kali sehari dengan syampu, sebab itu bulunya lembut dan berbau wangi. Saya sendiri pun mandi dua kali sehari saja," katanya ketika ditemui Astro AWANI di Expo Pertanian Kelantan 2018 di sini, hari ini.

Ujarnya, dia menolak tawaran untuk menjual Merah kerana terlalu amat menyayanginya dan mengganggapnya sebagai sebahagian dari keluarganya.

Abdul Rahim mendedahkan, Merah hanya diberi makanan berkualiti dan kos makanan yang dibelanjakan untuk lembunya peliharaannya itu mencecah hampir RM1,000 sebulan.

Ketika sesi temuramah, Merah hanya memerhati wartawan ini bersama tuannya, bahkan ketika Abdul Rahim memanggil namanya, lembu itu mengangkat muka dan memerhati tuannya seolah-olah mengetahui, tuannya memanggil namanya.

Abdul Rahim mempercayai lembunya memahami percakapannya kerana sentiasa berkomunikasi dengan Merah hampir setiap hari.

Sementara itu, seorang lagi penternak lembu sado baka import, Mohd Safian Shafie dari Pasir Puteh, menggunakan kaedah lain dalam penjagaan haiwannya.

Lembunya yang diberi nama 'Abu', didengarkan bacaan ayat Al-Quran bagi melembutkan daging serta menyihatkannya.



Mohd Safian berkata, dia membelanjakan RM600 sebulan untuk makanan Abu, menjaganya dengan penuh perhatian termasuk memandi dan mengurut badan lembu itu.

Abu kini berusia tiga tahun dua bulan dan beratnya 940kg.

"Abu mandi dua kali sehari. Saya bagi dia dengar bacaan Al-Quran, termasuk melalui radio dan juga sebab kandang dia terletak berdekatan dengan surau.

"Saya tidak mahu jual lagi, hanya hendak pelihara dulu. Ada orang tawar RM15,000 untuk Abu tetapi saya tidak mahu jual lagi," katanya ketika ditemui di acara sama.

Mohd Safian menganggap Abu sebahagian dari keluarganya dan kasih sayang dan belai manja turut dicurahkan kepada lembu itu.

Mohd Safian dan Abdul Rahim merupakan antara penternak lembu berjaya di Kelantan dengan kaedah penjagaan ke atas haiwan mereka mengikut saranan Jabatan Pertanian dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Sebelum ini, kerajaan negeri Kelantan ada mencadangkan supaya penternak tempatan mengamalkan pemeliharaan lembu berkualiti termasuk memberi lembu dengar bacaan Al-Quran bagi mendapatkan daging yang lembut dan berkualiti setanding daging Kobe – lembu berkualiti di Jepun yang mana dagingnya mencecah ribuan ringgit sekilogram.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|--------------|---------|------------|
| 15/10/2018 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

Masalah petani, nelayan di Kelantan diatasi



PEMBALAKAN yang tidak terkawal boleh memberi kesan yang sangat besar kepada ekosistem termasuk kualiti di empangan.

Paras air Sungai Kelantan dikatakan semakin menurun. Aliran air sungai menjadi laju dan tidak meresap ke dalam tanah, biarpun kadar hujan tetap sama.

Malah, paras air sungai akan menjadi tinggi apabila hujan lebat dan kemudian surut dengan cepat sehingga menyebabkan projek itu tidak berfungsi.

Ini antara sebab mengapa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) meminta Kerajaan Kelantan kawal aktiviti pembalakan.

Ini bagi memastikan empangan rendah Kasar milik Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) dapat berfungsi dengan baik.

Jika empangan itu gagal berfungsi, sudah tentu ia memberi kesan buruk kepada 28,000 hektar tanah sawah di bawah seliaan Kada itu.

Lebih membimbangkan, ia boleh memberi kesan kepada bekalan beras negara pada masa akan datang.

Bak kata Timbalan Menteri, Sim Tze Tzin, jika masalah berlaku kerajaan terpaksa membelanjakan sekurang-kurangnya RM50 juta untuk membeli pam baharu.



Turun melawat, meninjau dan mengadakan sesi dialog antara salah satu cara kerajaan mendekati dan memahami masalah air yang dialami golongan petani.

Selepas melawat kawasan empangan, Tze Tzin juga bertemu petani di Majlis Dialog di Ladang Merdeka Ismail, Mulong, Kota Bharu.

Info mengenai Ladang Merdeka Ismail:

- Diperkenalkan pada 1981 - dikenali sebagai projek printis Kada iaitu projek penyatuan tanah

- Bermula dengan 212 hektar tanah sawah terbiar

- 2015, keluasannya meningkat 782 hektar dengan 16 ladang dan 3,152 orang peserta

Isu nelayan juga sama diberi perhatian. Untuk mengelak masalah hasil laut negara terus 'dirompak', MOA juga akan atasi masalah pencerobohan nelayan asing.

Satu jawatankuasa yang disertai MOA bersama empat lagi kementerian iaitu Kementerian Dalam.Negeri, Kementerian Luar Negara, Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Pertahanan akan dibentuk untuk atasi masalah itu.

Lebih menarik lagi, kerajaan akan membina kilang ais di kawasan pelabuhan untuk atasi masalah bekalan ais pengusaha bot laut.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|-----------------|---------|------------|
| 15/10/2018 | THE EDGE MARKET | ONLINE | |

Agriculture: Addressing food security in Malaysia



We are trying our hardest to encourage the younger generation to be involved in agriculture and get themselves educated to become modern farmers.
- Abdul Shukor



Before the 1970s, agriculture was the basis of Malaysia's economic growth. While it remains an important sector, it is struggling to meet the country's consumption demands, says Dr Abdul Shukor Juraimi, dean of Universiti Putra Malaysia's (UPM) faculty of agriculture.

"In Malaysia, there are two types of agriculture — plantation and food production. On the plantation side, we are doing very well. In fact, the value of our palm oil exports is about RM70 billion a year," says Abdul Shukor.

"But on the food production side, we are way behind our neighbouring countries. For example, we only produce 71% of the rice we need to be self-sufficient. We also lack fruit (66%), vegetables (40%) and ruminants (29%)."

There are many reasons food security has become a problem in Malaysia. The main one is that food crops are a lot harder to plant and maintain compared with oil palm. The lifespan of an oil palm tree is 25 years while that of most food crops is a few months to a few years.

"Growing food requires a lot of manpower as the turnover rate is high. Farmers need to use a lot of fertilisers and pesticides. As most of these products are imported, they are getting increasingly expensive due to the weak ringgit," says Abdul Shukor.

Currently, there are five million hectares of land in Malaysia being cultivated for palm oil, compared with just one million hectares for food crops. A typical plantation company would have thousands of acres of land to cultivate oil palm. Food crop farmers, on the other hand, only have about five acres each to work on, says Abdul Shukor.

"Their income is not big enough to attract more people to agriculture. Only 28% of the country's population is involved in agriculture and they are, on average, 60 years old," he adds.

"Over the last decade, a lot of farmers have started to realise that plantations are a lot easier to maintain than food crops and palm oil prices are relatively stable. So, they quit planting food crops and start planting oil palm. Some of them even sold their agricultural land. It is sad to see the padi fields in Kedah being converted into housing and industrial areas."

Pests and diseases are common and persistent problems that hinder food production. Abdul Shukor says local farmers have to deal with blast disease (rice), moko disease (banana) and fusarium disease (tomato), among others.

At one time, he recalls, dragon fruit was all the rage among farmers as Malaysia's tropical climate, rainfall, intensity of sunlight and soil types proved to be very suitable for this exotic fruit. A few years later, the buzz died down after the plants were wiped out by certain fungal diseases. In fact, farmers stopped growing them entirely.

"These are some of the issues reducing our food production and making it difficult for us to meet the demand of the population. Of course, the growing population is also one of the factors," says Abdul Shukor.

"In 2003, our population was only 23 million. Now, it is 31 million. The government is doing its best to maintain the percentage of production, but it is harder — 70% back then is not the same as 70% today."

Facilitating transfer of knowledge

To help Malaysian farmers produce better yields, UPM works with many local organisations and agencies to facilitate the transfer of knowledge. However, it lacks manpower. "The technologies are available, but we do not have enough extension

officers to help disseminate them and make sure that the farmers thoroughly understand what they need to do,” says Abdul Shukor.

He adds that there have been many cases where the outcome of the knowledge transfer did not turn out as planned. Once, a private company sold and distributed hybrid rice seeds together with its herbicide in a package as weeds are the biggest problem in padi fields. The farmers were told that they would enjoy higher yields by growing the hybrid rice and using the herbicide. But they needed to follow a restriction — they could only grow the rice and use the herbicide for two harvests. Then, they would need to switch to normal rice and herbicides for the next two harvests. The process was necessary to prevent the weeds from developing resistance to the herbicide.

“Many farmers did not bother about the restriction because they were tempted by the higher yield. They were only supposed to use the herbicide for two harvests, but they used it for up to eight harvests,” says Abdul Shukor.

“So, when the weeds developed resistance and could no longer be killed, it was the company that suffered the backlash. The farmers blamed the company instead of themselves.

“Our farmers are not like those in Europe or the US, who are mostly university graduates who can easily absorb new technologies. It can be challenging to get our farmers to understand the consequences of their actions. That is why we are trying our hardest to encourage the younger generation to be involved in agriculture and get themselves educated to become modern farmers.”

During semester breaks or holidays, the university organises workshops for local farmers with the help of agencies such as the Muda Agricultural Development Authority and Kemubu Agricultural Development Authority. Abdul Shukor says the workshops, which teach basic and advanced agricultural techniques, are held nationwide, including in orang asli settlements.

“For example, we recently got our students to teach these farmers new crop management practices such as fertigation, where soil amendments, fertilisers and other water-soluble products are injected into an irrigation system,” he adds.

“Instead of planting them in the soil, the seeds — chilies, tomatoes or even ladies’ fingers — are planted in polybags. These polybags are then connected to pipes that automatically drip water and the other products together. It is very effective, inexpensive and saves a lot of manpower.”

UPM is doing a lot of translational research programmes, where research findings are translated into practice for meaningful outcomes. One successful example of the programme is the PadiU Putra — a rice variety that is resistant to blast disease. The new rice variety increases produce to 10 tonnes per hectare compared with seven tonnes previously.

“It is one of our biggest achievements and we are very proud of it. We can finally see the results of the research we have conducted for many years. The research itself took five years to complete while the translational research programme was two years,” says Abdul Shukor.

“Of course, the research does not end there. We will continue to monitor future developments. The disease can be very clever. In fact, it can actually change its structure to find a way to attack the variety.

“We will probably need to develop a new variety before that happens. So, we may end up with many versions of it. In fact, there are 11 versions of the Clearfield rice variety in the US — the result of many research outcomes.”

There are also numerous R&D initiatives undertaken by the private sector. However, most of them are for oil palm, not food crops. Abdul Shukor says there needs to be a lot more involvement from the private sector to help with the R&D for food crops.

“We cannot rely on the government because funds are limited. If we can get private companies to increase their investment in food crop R&D, then it will definitely spike food production and help eliminate the problems we have with food security,” he adds.

Opportunities and gaps

While the agriculture sector currently faces many problems, there are also opportunities. The export demand for local fruit has risen over the years, especially durians and coconuts, says Abdul Shukor. For instance, the Chinese prefer Malaysian durians to those of other countries because their flesh is softer and more aromatic.

Coconuts became popular when those in the West realised that coconut oil had more health benefits than other oils, he says. “Now, the demand is very high. We did our calculations — the Matag variety can produce 30,000 to 32,000 nuts per hectare a year. If multiplied by the net farm price of about RM2 per nut, farmers can generate about RM60,000 per year or RM5,000 a month, which is higher than what they can generate with oil palm (about RM3,000 per month).”

Malaysia is also known for its mangoes, especially the Harumanis and Chok Anan varieties. Although mango farms are tougher to maintain than durian and coconut farms, as the fruit can be easily attacked by pests, it is still a good market with large demand, says Abdul Shukor.

To attract bright and young farmers, UPM's agriculture faculty hosts an incubator programme called Inkubasi Usahawantani (Agropreneur Incubation) every year. Abdul Shukor says the faculty aims to get 20% of its graduates to join the programme each year, but it is open to graduates of all fields. Previous participants included those with engineering, social science and education degrees.

There are many loans available to those interested in becoming farmers, especially from Agrobank and the National Entrepreneurial Group Economic Fund (Tekun Nasional), says Abdul Shukor. "However, it is not just a matter of knocking on their doors and asking for money. They need to see that the applicants have what it takes. So, the applicants should have already started planting something before applying."

Unlike its neighbouring countries, Malaysia has an imbalance of upstream (raw materials for production) and downstream (end products to be distributed) products. That is why the country needs more agropreneurs, he says.

"Countries like Thailand and Taiwan have so many downstream products, such as dried and canned food. Most of our downstream products are imported. I think the Department of Agriculture and the Federal Agricultural Marketing Authority have done a lot to help increase the number of downstream products. But so far, we are still heavily reliant on imports," says Abdul Shukor.

He thinks Malaysians are perhaps not keen to explore agriculture due to the problem of limited land space. So, there needs to be a push for systematic planting techniques that do not require a lot of space such as vertical farming. However, as the initial cost of such projects is quite high, private-sector investors are needed.

"The end goal for us is to promote to people living in high-rise buildings to plant food crops, a bit here and there, for their everyday use. In the UK, this is very common. Almost every kitchen has a small herb garden. If every household does this, we will no longer have to import a lot of vegetables," says Abdul Shukor.

"Actually, local vegetables are easy to plant because most of them grow very fast. It takes less than a month to plant and harvest bayam (spinach) and kangkung (water spinach). Bird's eye chili is also quite easy to plant and maintain."

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|--------------------|---------|------------|
| 15/10/2018 | UTUSAN MALAYSIA | ONLINE | |

Puyu Darulnaim tandingi Patin Pahang



KOTA BHARU 14 Okt. - Kerajaan Pas Kelantan mahu mengkomersialkan ikan puyu hibrid Darulnaim supaya menjadi signatur negeri ini sebagaimana ikan patin sinonim dengan negeri Pahang. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar negeri, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, ikan puyu Darulnaim yang merupakan kacukan antara baka tempatan dan Thailand mempunyai potensi tinggi memandangkan saiznya lebih besar dari ikan puyu biasa dan mempunyai rasa setanding ikan eksklusif lain biarpun harga lebih murah.

Beliau berkata, pada masa kini bekalan ikan hibrid tersebut belum mencukupi untuk memasuki pasaran negeri lain justeru sejak sebulan lalu pihaknya telah memulakan projek menternak ikan puyu Darulnaim melibatkan 30 peserta di kawasan Parlimen Ketereh di sini.

"Kerajaan membekalkan peserta dengan benih anak ikan, makanan ikan dan peralatan membuat kolam serta latihan.

"Kita mahu tiru negeri Pahang yang mempunyai banyak restoran ikan air tawar khususnya patin, setakat ini sudah ada sesetengah hotel di negeri Kelantan sudah memperkenalkan menu ikan puyu hibrid," katanya.

Beliau ditemui di Pertandingan Memasak Berasaskan Ikan Air Tawar (Ikan Keli) anjuran Jabatan Perikanan negeri sempena Ekspo Tani dan Hijau 2018 di pekarangan Stadium Sultan Muhammad IV di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pegawai Perikanan Cawangan Akuakultur negeri, Mohd Rafi Hasan.

Pertandingan memasak itu telah dimenangi dua sahabat karib iaitu Engku Zamilah Tuan Abdullah, 56, dan Nik Rohayati Seman, 43, dari Kampung Tok Ajam, Pasir Puteh dengan resipi mereka Ikan Keli Goreng Berlada. - UTUSAN ONLINE

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-------------------|----------------------|----------------|-------------------|
| 15/10/2018 | BERITA HARIAN | ONLINE | |

2 nelayan nekad terjun laut elak ditahan

LUMUT: Dua kru bot nelayan tempatan termasuk tekong nekad terjun ke laut bagi mengelak ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) kerana disyaki melanggar syarat lesen, semalam.

Bot kelas A itu dikesan di kedudukan 0.6 batu nautika dari barat daya Kuala Sungai Rungkup dekat Bagan Datuk, pada jam 9.30 pagi.

Difahamkan, dua lelaki berkenaan dikatakan berenang ke pantai berhampiran dan kemudian gagal dikesan dipercayai melarikan diri.

Identiti dan warganegara mereka juga tidak dapat dikenal pasti dan bot yang ditinggalkan itu kemudian dibawa pulang ke jeti oleh anggota Maritim Malaysia.

Pengarah Maritim Perak, Kapten Maritim Wan Mat Wan Abdullah berkata, bot nelayan berkenaan dikesan sepasukan anggota Bot Petir yang sedang melakukan rondaan di perairan negara.

Menurutnya, hasil pemeriksaan mendapati bot berkenaan sudah diubah suai bagi membolehkan bot itu menggunakan pukat tunda untuk menangkap ikan.

"Kejadian berlaku ketika Bot Petir agensi ini yang sedang melakukan rondaan cuba mendekati sebuah bot nelayan tempatan yang melakukan aktiviti penangkapan ikan menggunakan pukat tunda.

"Kes akan disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 dan bot berkenaan dibawa ke Jeti Kampung Acheh, Sitiawan untuk siasatan lanjut," katanya menerusi kenyataan dikeluarkan di sini, malam tadi.

Dalam pada itu, Wan Mat berkata, pihaknya juga sering menerima aduan daripada nelayan pantai membabitkan kegiatan pukat tunda oleh bot kelas C yang dikhuatiri akan menjejaskan pendapatan mereka.

Katanya, Maritim Malaysia meminta nelayan terbabit untuk menghentikan aktiviti yang tidak bertanggungjawab yang merosakkan sumber marin dan menyusahkan nelayan tradisional.

Beliau juga meminta nelayan untuk terus bekerjasama dan menyalurkan sebarang maklumat membabitkan bot nelayan yang melanggar syarat lesen menangkap ikan dan melakukan pencerobohan di zon tangkapan ikan di dalam perairan negara.



Halimi (kanan) dan Ketua Pusat Ikan Hiasan Marin, Nawaz A Karim melepaskan anak-anak penyu dalam program Pemuliharaan Penyu di Pantai Blue Lagoon.



FOTO: SAIFULDIN ABDUL RAHIM

Namun pantai Port Dickson jadi lokasi pendaratan penyu spesies karah, agar

SYAMILAH ZULKIFLI

PORT DICKSON

Apabila bercakap soal penyu, biasanya ramai yang melihat spesies itu hanya terdapat di kawasan pantai timur terutamanya di Terengganu.

Bahkan, tersohornya penyu di Terengganu sehingga disebut di dalam lirik lagu 'Blues Terengganu Kita' nyanyian kumpulan Iklim.

Namun sebenarnya pantai Port Dickson pun popular dengan halwan berkenaan yang menjadi lokasi serta pusat pendaratan penyu spesies karah dan agar untuk menetas telurnya.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Sembilan, Halimi Abu Hanip berkata, tahun ini sahaja lebih kurang 800 ekor anak penyu telah dilepaskan semula secara berperingkat di perairan Port Dickson.

"Kesemua telur itu dikutip di sepanjang pantai Port Dickson sebelum diletakkan di Pusat Ikan Hiasan Port Dickson dan dilepaskan semula ke laut.

"Dalam tempoh April hingga September, kita dapati terdapat 20 sarang penyu di mana terdapat 2,127 biji telur," katanya kepada *Sinar Harian*.

Halimi berkata, apa yang menjadi kebanggaan jabatan itu jika jumlah telur halwan berkenaan mula berkurangan berikutan kawasan pantai yang kini banyak

diterangi lampu.

Selain itu katanya, pelbagai usaha pemuliharaan dilakukan pihaknya dengan kerjasama negeri misalunya dengan menguatkuasakan undang-undang mengikut Akta Perikanan 1985 dan Kaedah Perikanan (Penyu dan Telur Penyu) 1976 Negeri Sembilan.

"Penyu adalah haiwan yang dilarang ditangkap dan nelayan juga dilarang menggunakan pukat hanyut bersaiz mata lebih 10 inci kerana ia menyebabkan penyu tersangkut dan lemas.

"Kita juga adakan program pelepasan anak penyu bersama komuniti dan pelajar sekolah bagi memberi kesedaran tentang pentingnya peranan setiap orang bagi memastikan haiwan marin tersebut tak pupus," katanya.

Ramai masih tak tahu

Bagaimanapun beliau mengukir



Halimi (kanan) melepaskan anak-anak penyu dalam program yang diadakan.

Penyu PD kurang popular



Anak-anak Penyu dilepaskan pada Program Pemuliharaan Penyu di Pantai Blue Lagoon.

kehadiran penyu di pantai Port Dickson masih dilihat sebagai sesuatu yang baharu bagi orang luar menyebabkan penyu Port Dickson kurang popular.

Malah katanya, ramai yang tidak

tahu perairan Tanjung Tuan dipenuhi dengan hidupan marin lain selain terumbu karangnya yang subur.

"Tapi itulah kalau sebut penyu, orang ingat hanya ada di Terengganu



Tinjuas Sinar Harian di Pantai Teluk Kemang yang menjadi lokasi tarikan pengunjung.

info
Perairan Tanjung Tuan merupakan antara habitat penyu yang paling penting di Port Dickson

saja sedangkan di Port Dickson pun banyak penyu terutama di perairan Tanjung Tuan yang merupakan antara habitat penyu yang paling penting di daerah ini.

"Bagi yang gemarkan aktiviti snorkel untuk menikmati keindahan hidupan laut, tak perlu lagi pergi jauh kerana di Port Dickson pun boleh," katanya.

Untuk rekod, minggu lalu, sebanyak 25 ekor anak penyu dilepaskan dalam program Pemuliharaan Penyu di Pantai Blue Lagoon, di sini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|---------------|---------|------------|
| 15/10/2018 | BERITA HARIAN | BISNES | 24 |

3 kumpulan sasar tumpuan kementerian lahir usahawan

➔ Golongan B40, wanita, generasi muda dibantu serta sektor keusahawanan

Oleh Nabil Basaruddin
nabil.basaruddin@nstp.com.my

Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) akan memberi tumpuan kepada tiga kumpulan sasaran, iaitu kelompok berpendapatan bawah (B40), wanita serta golongan muda dalam mempertingkatkan penyertaan mereka dalam sektor keusahawanan negara.

Timbalan Menteri, Dr Hatta Ramli, berkata dalam konteks itu, kementerianya komited untuk membangunkan usahawan dalam kalangan kumpulan B40, yang mana 70 peratus daripadanya adalah golongan Bumiputera.

Katanya, ia bukanlah semata-mata berkaitan bangsa, namun

MED akan membantu kepada kumpulan sasaran yang memerlukan bantuan sedemikian.

"Apa yang boleh saya katakan, sekiranya mereka dari kelompok yang memerlukan kita, bantu sekiranya mereka berminat untuk menjalankan perniagaan. Itu adalah hasrat kerajaan di era ini.

"Malah, kementerian juga secara proaktif turut mencari ruang untuk membantu mereka khususnya dari Sabah dan Sarawak yang dilihat berpotensi untuk melaksanakan keusahawanan dalam sektor tertentu," katanya ketika ditemui selepas majlis pelancaran Usahawan #JOMMASUKTV di Petaling Jaya, baru-baru ini.

Selain itu, Hatta berkata, golongan wanita juga mempunyai ketahanan serta personaliti yang ber-



Dr Hatta menyampaikan ucapan pada majlis pelancaran Usahawan #JOMMASUKTV di Petaling Jaya, baru-baru ini.

daya tahan sekali gus membuktikan kelompok itu mampu menjadi penyumbang kepada pembangunan ekonomi negara, khususnya dalam bidang keusahawanan.

Beri tumpuan lebih jelas

"Sebagai contoh, melihat kepada sikap golongan wanita itu sendiri apabila membuat pinjaman, mereka lebih cenderung untuk menyelesaikan ansuran pembiayaan dengan lebih teratur dan cekap.

"Perkara ini melambangkan kesungguhan dari kaum hawa ini, justeru adalah penting bagi kementerian untuk memberi tumpuan dengan lebih jelas lagi," katanya.

Tambah beliau, antara komponen penting dalam agenda memacu perkembangan keusa-

hawanan negara adalah dalam membentuk golongan muda yang mempunyai minat.

Katanya, golongan berkenaan akan diberi latihan dan bimbingan kerana belia adalah aset negara yang seterusnya akan membantu menerajui pembangunan negara dalam pelbagai sektor ekonomi.

Mengulas mengenai MED yang kini mencecah 100 hari, Hatta berkata, fokus kementerianya adalah untuk meningkatkan sumbangan sektor keusahawanan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang ketika ini berada pada paras 37 peratus.

"Dalam merealisasikan hal ini, kita akan bekerjasama dengan mana-mana kementerian atau agensi kerajaan yang berkait dengan usahawan seperti MARA

serta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang mempunyai usahawan dalam kalangan petani.

"Kita bukan bertindak secara sendiri, namun ia adalah usaha bersama sebagai satu pasukan dengan matlamat untuk kesejahteraan rakyat dan negara," katanya.

Antara agensi yang berada di bawah MED termasuklah Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Maktub Koperasi Malaysia, Tekun Nasional, Bank Rakyat, SME Bank dan Institut Keusahawanan Negara (INSKEN).

Manakala, status bagi Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB) dijangka berada di bawah kementerian sama, namun masih belum terdapat kata putus mengenainya.

[FOTO ZUNNUR AL SHAFIQ / BH]

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|--------------|----------|------------|
| 15/10/2018 | SINAR HARIAN | SETEMPAT | 35 |



Ahmad (kanan) melihat salah satu produk yang dipamerkan salah seorang peserta ekspo.

Kerajaan Kelantan pastikan rakyat cukup makanan

KOTA BHARU - Kerajaan Kelantan secara berterusan membangunkan tanah terbiar dengan menggiatkan aktiviti pertanian bagi memastikan bekalan makanan terus mencukupi untuk rakyat negeri ini. Menteri Besar Datuk Ahmad Yakob berkata, kerajaan merancang dan melaksanakan tindakan secara bersepadu supaya pengeluaran bahan makanan terus mencukupi, selamat dan terjamin untuk keperluan masa kini dan hadapan.

Menurutnya, pelaksanaan aktiviti yang konsisten, ber-

peringkat dengan hala tuju jelas akan diutamakan dan dipertingkatkan dalam usaha mencapai sasaran menjadikan 'Negeri Kelantan Sebagai Jelapang Makanan Negara,' berpaksikan konsep 'Bertani Satu Ibadah'.

"Kerajaan melalui Jabatan Pertanian akan terus membangunkan tanah terbiar yang berpotensi dengan melaksanakan penanaman pelbagai tanaman bersesuaian dengan lokasi dan jenis tanah. Sejak tahun 2006, lebih kurang 8,000 hektar kawasan tanah terbiar telah dikenal pasti,

"Daripada itu, seluas 410 hektar dibangunkan sebagai projek pertanian. Bagi tahun 2019-2020, Kerajaan melalui Jabatan Pertanian juga meletakkan sasaran seluas 40 hektar untuk dibangunkan di bawah projek pertanian," katanya sempena Ekspo Tani dan Ekspo Hijau Negeri Kelantan Tahun 2018, di sini.

Tambah beliau, sektor pertanian juga merupakan penyumbang kedua terbesar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar Negeri Kelantan bagi tahun 2017 yang mana bernilai RM 5.31 bilion.

"Angka ini mencatatkan peningkatan sebanyak RM0.22 bilion berbanding tahun 2016. Peningkatan ini menunjukkan sektor pertanian merupakan sektoryang sangat penting bagi pembangunan ekonomi negeri," katanya.

Ahmad menjelaskan, kerajaan juga memberi perhatian kepada pembangunan industri sayur-sayuran dan buah-buahan melalui pelaksanaan bantuan pertanian serta khidmat nasihat kepada petani bagi meningkatkan pengeluaran termasuk produktiviti tanaman.